



TERMA DAN SYARAT BADAN KHAIRAT KEMATIAN

BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AN-NUR VILLA MUTIARA

Jalan Kesuma 2/5, Bandar Tasik Kesuma 43700 Beranang, Selangor Darul Ehsan.

Email : khairatkematiensanvm@gmail.com

Website : <https://www.e-khairat.com/sanvm/home>

1. NAMA

- 1.1 Nama pertubuhan ini adalah BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AN-NUR VILLA MUTIARA

2. KEAHLIAN

- 2.1 Keahlian ini hanyalah untuk individu yang beragama Islam sahaja.
- 2.2 Satu keahlian boleh mewakili individu atau satu keluarga yang mana Penama Ahli Khairat Kematian yang layak untuk disenaraikan dalam borang penyertaan adalah seperti berikut:
- Pemohon – secara automatik sebagai penama.
 - Pasangan Pemohon – suami atau isteri pertama sahaja
 - Anak-anak belum berkahwin dan bekerja yang berumur 21 tahun dan kebawah termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah dan tinggal bersama dalam satu rumah.
- 2.3 Selain dari di atas adalah tidak layak sebagai Penama Ahli Khairat Kematian seperti yang disenaraikan di bawah:
- Ibubapa / mertua yang tinggal bersama dalam satu rumah.
 - Datuk / nenek / mertua yang tinggal bersama dalam satu rumah.
 - Adik-beradik pemohon atau pasangan walaupun tinggal bersama dalam satu rumah.
 - Anak-anak yang telah berkahwin walaupun tinggal bersama dalam satu rumah.
 - Anak-anak yang belum berkahwin berumur 21 tahun keatas.
- 2.4 Untuk perkara 2.3, pendaftaran penyertaan hendaklah di buat secara berasingan.
- 2.5 Tempoh matang keahlian adalah 90 hari selepas pendaftaran sebagai ahli.
- 2.6 Ahli atau penama hanya dikira layak menerima manfaat selepas tamat tempoh matang

3. YURAN

- 3.1 Tiap-tiap ahli baharu dikenakan bayaran yuran pendaftaran keahlian sebanyak RM10 (bayaran sekali sahaja sekiranya keahlian tidak terbatal).
- 3.2 Yuran tahunan sebanyak RM50 setahun dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun.
- 3.3 Ahli yang tidak membayar yuran tahunan selepas melebihi satu tahun dari tarikh yang ditetapkan untuk bayaran yuran, dengan sendirinya keahliannya dalam Badan ini adalah terbatal (Contoh: Ahli tidak menjelaskan yuran tahun 2019 sebelum April 2020, akan serta merta terbatal keahliannya) (Rujuk Jadual 1)
- 3.4 Untuk pengaktifan semula keahlian, hendaklah Menjelaskan yuran tunggakan dan yuran tahunan semasa (tidak dikenakan tempoh matang 90 hari) atau Membuat pendaftaran baharu (dikenakan tempoh matang 90 hari) (Rujuk Jadual 1)

4. BANTUAN KEMATIAN


- 4.1 Pengurusan jenazah ataupun wang bantuan akan diberikan apabila berlaku kematian seperti ketetapan berikut:
- Atas kematian ahli, isteri/suami, anak kandung / anak tiri / anak angkat yang sah dan tidak melebihi 21 tahun bagi yang belum bekerja dan belum berkahwin.
 - Ahli atau waris layak mendapat sumbangan tunai sebanyak RM1,000 sekiranya pengurusan dan pengebumian tidak dilakukan di Surau An-Nur Villa Mutiara dan ianya dilakukan di luar kawasan.

5. SYARAT BANTUAN

- 5.1 Bantuan kematian akan diberikan sekiranya kematian ahli dan tanggungan ahli yang namanya ada didaftarkan.
- 5.2 Bantuan hendaklah dituntut dengan kadar segera dan tuntutan melebihi 30 hari daripada tarikh meninggal, tidak akan dilayan.
- 5.3 Mana-mana ahli yang masih belum matang keahliannya dan telah terlucut keahliannya (tidak memperbaharui/tidak menjelaskan tunggakan yuran), tidak berhak menuntut wang bantuan kematian atau menuntut semula apa-apa wang yang telah disumbangkan kepada tabung khairat.
- 5.4 Mana-mana ahli yang telah meninggal dunia maka keahliannya akan terbatal dan hanya boleh disambung oleh pasangan sahaja sebagai penama.

6. TALIAN UNTUK DI HUBUNGI

- 6.1 Berkenaan pendaftaran ahli & pembayaran yuran:
Mohd Afiq: 0137735117
- 6.2 Berkenaan kematian / pengurusan jenazah:
Khalid: 0172062035 | Nu'man: 0137033265
Jeff: 01110725139 | Zamzam: 0183185960



JADUAL 1: Ilustrari bayaran Yuran Keahlian